



Ruj. Kami : KKM.S.500-2/56/9 JLD.7 (1)
Tarikh : 1 September 2023

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN PEMANGKUAN BAGI SKIM JURURAWAT (PERUBATAN DAN KESIHATAN AWAM) GRED U29/U32/U36 KE GRED U42 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi skim **Jururawat (Perubatan dan Kesihatan Awam) Gred U29/U32/U36 ke Gred U42**. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan adalah dimohon untuk mengemukakan permohonan pegawai yang **layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat umum dan syarat-syarat khusus** seperti berikut:

2.1 Syarat Umum

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
- (c) mencapai tahap prestasi perkhidmatan yang ditetapkan (LNPT 2020, 2021 dan 2022);
- (d) bebas daripada tindakan dan hukuman tatatertib;
- (e) telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang ditetapkan (dalam 5 tahun terkini);
- (f) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- (g) bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar oleh institusi pinjaman pendidikan.



2.2 Syarat Khusus

Pegawai hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

Gred Hakiki (semasa)	Tempoh Perkhidmatan di Gred Hakiki (semasa)	Kelayakan Ijazah
U29	Sebelum atau pada 31.12.2008	Wajib memiliki ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya seperti di Lampiran A .
U32	Sebelum atau pada 31.12.2013	
U36	Sebelum atau pada 31.12.2017	Tidak disyaratkan tetapi diberikan wajaran tertentu bagi pemilikan ijazah seperti di Lampiran A .

Nota : Jururawat (Perubatan / Kesihatan Awam) Gred U32 dan Gred U36 yang tidak memenuhi tempoh perkhidmatan di gred hakiki akan dikategorikan pada gred sebelumnya tertakluk kepada pemenuhan syarat khusus di gred sebelumnya.

3. Calon yang layak memohon hendaklah mengemukakan permohonan dengan menggunakan **Borang NPS(M) 1/2015 Pindaan 2023** dan dikemukakan lengkap dengan satu (1) salinan dokumen sebagaimana senarai semak di **Lampiran B**. Unjuran kekosongan jawatan di zon Semenanjung, Sarawak serta Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tarikh iklan dibuka adalah seperti di **Lampiran C**.

4. Calon yang memohon juga hendaklah **bersedia dan sanggup menerima pertukaran sekiranya berjaya ditawarkan pemangkuan** untuk mengisi kekosongan semasa di negeri yang berkenaan. Berdasarkan **Perkara 36 dalam MyPPSM UP.3.1.1**, Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) boleh mengenakan **penalti** kepada pegawai yang **menolak tawaran pemangkuan** dengan **tidak menimbang pemangkuan** pegawai tersebut bagi tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh surat penolakan / tarikh melaporkan diri yang ditetapkan **atau satu urusan, yang mana terkemudian**.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan pemangkuan ini adalah pada **13 Oktober 2023 (Jumaat)**. Surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan pemangkuan ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Semua dokumen permohonan bagi urusan pemangkuan ini hendaklah dihantar ke alamat di bawah:

Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: **Cik Melissa Martha Jimmy**)

7. Sukacita diingatkan dalam pertimbangan sesuatu urusan pemangkuan, adalah menjadi tanggungjawab YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, perkara ini telah mendapat perhatian serius daripada LKP I KKM yang memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. Dimaklumkan juga bahawa calon-calon yang mempunyai rekod THB atau cuti rehat melebihi kelayakan tetapi belum diambil tindakan atau dijatuhkan hukuman tatatertib adalah layak dipertimbangkan pemangkuan sekiranya memenuhi kelayakan dan syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan 2. Walau bagaimanapun, **Ketua Jabatan bertanggungjawab** untuk memastikan **tindakan tatatertib dilaksanakan dengan segera** supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan dimohon untuk **menghebahkan** perkara ini kepada semua pegawai yang berkenaan dan memastikan **hanya permohonan daripada calon yang memenuhi syarat** sahaja dikemukakan ke Bahagian ini. Selain itu, semua maklumat yang dikemukakan hendaklah disemak dan disahkan tepat berdasarkan Buku Rekod Perkhidmatan pegawai yang terkini. **Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan.** Permohonan yang **lewat diterima atau tidak lengkap** dengan dokumen yang diperlukan **tidak akan diproses.**

10. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k: - TSUB (NPP)
- TSUB (PPS)
- Pengarah
Bahagian Kejururawatan

SENARAI EDARAN:

- Setiausaha Bahagian Bahagian Khidmat Pengurusan Mohon panjangkan ke semua Bahagian/Jabatan di IPKKM
- Setiausaha Bahagian Bahagian Pengurusan Latihan Mohon panjangkan ke semua institusi latihan KKM di bawah BPL
- Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
- Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
- Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
- Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Negeri Perak
- Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
- Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
- Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
- Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Negeri Johor
- Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
- Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
- Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya
- Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

SENARAI EDARAN

- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah
Hospital Tunku Azizah
- Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
- Pengurus
Institut Kesihatan Negara (NIH)
- Pengarah
Institut Kanser Negara
- Pengarah
Pusat Darah Negara
- Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Pengarah
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
- Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

JABATAN KADER

- Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jalan Padang Tembak
50634 Kuala Lumpur
- Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 5, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. Putrajaya
- Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia
Aras 1, 3, 4 & 5 Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 W.P. Putrajaya
- Ketua Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Bahagian Pengurusan
Aras 18
No.55, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 W.P. Putrajaya
- Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 Kajang
Selangor
- Ketua Pengarah
Jabatan Penjara Malaysia
Bukit Wira, 43000 Kajang
Selangor
- Ketua Pengarah
Jabatan Pengurusan
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
50560 Bukit Aman
Kuala Lumpur

**SENARAI IJAZAH SARJANA MUDA KEPUJIAN YANG DIPERAKUKAN
BERKAITAN DENGAN BIDANG TUGAS BAGI SKIM PERKHIDMATAN
BERSEPADU JURURAWAT**


1. Sarjana Muda Sains Kejururawatan
2. Sarjana Muda Kejururawatan
3. Sarjana Muda Sains (*Post Registration*)
4. Sarjana Muda Sains (*Nursing Practice Development*)

Catatan : Ijazah sarjana muda kepujian seperti dalam senarai di atas hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Status pengiktirafan boleh disemak melalui portal semakan daftar Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

(Sila kemukakan salinan ijazah dalam bidang berkaitan/diiktiraf yang telah disahkan.)

**SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*) BAGI URUSAN PEMANGKUAN JAWATAN
KUMPULAN PELAKSANA, KKM**

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

	ADA	/ TIADA
1. Borang NPS(M) 1/2015 Pindaan 2023	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
 <small>NPS(M)1/2015.2023</small>		
2. Borang PP-1	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Salinan Buku Rekod Perkhidmatan yang telah dikemas kini dan lengkap	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Salinan kelulusan tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Salinan surat telah melaksana pengisytiharan harta (5 tahun terkini)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT (Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan muka surat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7. Salinan sijil pos basik	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8. Salinan ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan/ diiktiraf oleh Kerajaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**MAKLUMAT UNJURAN KEKOSONGAN
JURURAWAT (PERUBATAN DAN KESIHATAN AWAM)
GRED U29/U32/U36 KE GRED U42
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Sehingga 31 Disember 2024)**

FAKTOR KEKOSONGAN	KEKOSONGAN	
	PERUBATAN	KESIHATAN AWAM
(A) SEMENANJUNG		
PERSARAAN	17	14
PERJAWATAN BAHARU	121	
(B) SARAWAK		
PERSARAAN	5	1
PERJAWATAN BAHARU	69	
(C) SABAH & W.P. LABUAN		
PERSARAAN	3	4
PERJAWATAN BAHARU	0	
JUMLAH KESELURUHAN	234	

* Maklumat di atas adalah berdasarkan unjuran sahaja dan tertakluk kepada keperluan perjawatan serta perubahan dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN 1

PENGESAHAN MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)
BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022
JURURAWAT (PERUBATAN DAN KESIHATAN AWAM)
GRED U29/U32/U36 KE GRED U42

BIL.	NAMA PEGAWAI	NO. KAD PENGENALAN	LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN		
		
1.					

Disediakan oleh :

Disahkan oleh :

.....

.....

Nama :

Nama :

Jawatan :

Jawatan :

Tarikh :

Tarikh :